

KERATAN: Harian Ekspres
Taib Etuk Sabah.
SAB-A0321/12

TARIKH: 12.2.2012
M/S: 9

Pelestarian bahasa Suang Lotud



JAHID (duduk, tengah) bergambar bersama Monggoh, Soguli dan peserta Bengkel Inan Pamabat, Ponulid om Pomolumis.



Ricardo Unto

[facebook.com/riqiriqi](https://www.facebook.com/riqiriqi)

“**S**AYA menuturkan bahasa kegemaran saya kerana itu adalah diri saya yang sebenarnya. Kita mengajar anak-anak kita bahasa kegemaran kita kerana kita mahu mereka tahu bahawa itu adalah diri mereka yang sebenarnya” – Christine Johnson, orang tua puak Tohono O’odham, Institut Pembangunan Bahasa Penduduk Asal Amerika.

Hakikat bahawa sesuatu bahasa itu berupaya untuk ‘mati’ bukanlah perkara baru.

Menurut laporan kajian Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco), dianggarkan, jika tiada langkah positif yang diambil – pemulihan, dokumentasi dan sebagainya, separuh daripada lebih 6,000 bahasa pertuturan yang wujud di dunia hari ini akan pupus menjelang penghujung abad ini.

Di Malaysia, Unesco menyenaraikan 26 bahasa yang telah pupus atau terancam, dimana di Sabah, bahasa Abai Sungai adalah salah satu daripada bahasa terancam tersebut.

Sesuatu bahasa dianggap terancam apabila ia berisiko untuk menghadapi masalah kekurangan penggunaan. Sekiranya sesuatu bahasa itu kehilangan semua penutur asal, ianya adalah bahasa yang telah mati, dan jika tiada seorang pun yang menuturkan bahasa itu, ianya dikira pupus.

Umum mengetahui tidak semua di kalangan generasi baru etnik asal Sabah berupaya atau fasih bertutur dalam bahasa ibunda mereka, tidak terkecuali bahasa Suang Lotud.

Bahasa tersebut yang digunakan oleh etnik Suang Lotud atau Lotud, yang populasinya tertumpu di Tuaran, Tamparuli dan kawasan sekitar, kian mengalami hakisan penggunaan.

Sedari perkara tersebut, sekumpulan individu prihatin daripada komuniti Suang Lotud membentuk Jawatankuasa Kerja Ginutok Nu Suang Lotud (GNSL) yang akhirnya berevolusi dan dinamakan Pelestarian

yang diketuai oleh Sylvia Surutan Poit, serta mengambil langkah positif dengan melaksanakan Projek Pelestarian Bahasa Ibunda Suang Lotud.

Misi utama Pelestarian adalah meramaikan generasi Suang Lotud yang mahir berkomunikasi dalam bahasa ibunda dari segi pertuturan dan penulisan dalam kehidupan harian.

Di bawah projek tersebut, antara inisiatif yang menampakkan hasil adalah aplikasi teknologi – laman rangkaian sosial *Facebook* – dalam memperluas promosi bahasa Suang Lotud melalui laman *Facebook* Ginutok Nu Suang Lotud.

Kini, Pelestarian mengorak selangkah lagi dengan projek penghasilan kamus Suang Lotud.

Projek yang dinaungi oleh Persatuan Suang Lotud Sabah (PSLS) itu akan dijalankan dengan usahasama Pelestarian dan Persatuan Komulakan Lotud Sabah (Klosa) melalui Jawatankuasa Pelaksana yang diterajui oleh Datuk Monggoh Orow.

Fungsi utama gabungan usaha ini adalah untuk menyempurnakan projek kamus serta karya, penulisan dan penghasilan modul pembelajaran.

Projek kamus ini akan dijalankan secara berperingkat dan bengkel pertama yang dinamakan Bengkel Inan Pamabat, Ponulid om Pomolumis (IPPP) diadakan di Mimpian Jadi Resort, Tuaran, baru-baru ini.

Bengkel tersebut dihadiri oleh 22 peserta yang terdiri daripada Ketua Anak Negeri, Wakil Ketua Anak Negeri, ketua kampung dan lain-lain, selain 15 fasilitator dan 11 anggota urusetia.

Dokumentasi perlu dijalankan

“Bahasa Suang Lotud merupakan salah satu daripada 27 bahasa subetnik di bawah keluarga besar bahasa Dusunik. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh pakar bahasa dari Universiti Brunei Darussalam, Dr Yabit Alas, dapat disimpulkan bahawa bahasa Suang Lotud adalah bahasa yang tertua berbanding subetnik lain.

“Namun, malangnya, setakat ini (sebelum terben-

tuknya Pelestarian) tiada usaha jelas dalam mendokumentasi bahasa ini di kalangan komuniti ini sendiri," kata Monggoh, sambil menambah, pendokumentasian bahasa Suang Lotud kebanyakannya dijalankan oleh orang luar.

Arus kemajuan, katanya, dalam sistem pendidikan dan sosio-ekonomi memberi impak yang besar kepada generasi muda Suang Lotud.

"Kebanyakan golongan muda jarang menggunakan bahasa Suang Lotud sebagai medium interaksi di kalangan mereka. Justeru, ia memberi kesan negatif kepada kelangsungan bahasa ini pada masa akan datang.

"Jika perkara ini berterusan dan tiada usaha dilakukan untuk memeliharanya, tidak mustahil sekiranya bahasa Suang Lotud akan pupus," ujarnya.

Oleh itu, menurut Monggoh, inisiatif mendokumentasi bahasa Suang Lotud perlu dijalankan untuk menjamin kewujudan bahasa tersebut, yang juga akan mengekalkan identiti etnik Suang Lotud itu sendiri.

Antara langkah pertama dalam pendokumentasian bahasa Suang Lotud yang dirancang adalah penghasilan kamus.

Kamus boleh menjadi sumber rujukan sah kepada penyelidik, ahli akademik dan pelajar selain komuniti Suang Lotud. Antara kamus yang dirancang untuk dihasilkan adalah kamus bergambar, kamus asas, kamus lengkap dan kamus dalam talian, antara lain.

Draf pertama bagi kamus bergambar dan kamus asas dijangka siap pada April, tahun ini.

Pembentukan badan penyelaras

Memandangkan terdapat 39 kampung di daerah Tuaran, Monggoh menjelaskan, terdapat beberapa isu yang perlu ditangani, iaitu:-

- Penggunaan perkataan yang merujuk kepada perkara yang sama, misalnya garam. *Sila'on* dan *tusi* digunakan untuk garam di dua kampung yang berlainan.
- Perkataan yang berlainan bunyi untuk merujuk kepada perkara yang sama, contohnya *tadau* dan *adau* bagi hari.
- Penggunaan perkataan pinjaman tahniah, terima kasih dan sebagainya.
- Pendokumentasian kamus dan karya.

Dalam hal ini, suatu badan yang dikenali sebagai *Inan Pamabat, Ponulid om Pomolumis* (Badan Penyunting, Pemantauan dan Penilaian) perlu dibentuk.

Pada bengkel pertama IPPP yang dijalankan itu, peserta diberi penerangan mengenai proses penghasilan kamus sambil mengadakan perbincangan dan pengumpulan data awal.

Selain itu, Ketua IPPP Dr George A Kunjan bersama kumpulan fasilitator juga membuat penilaian dan mengenalpasti peserta bengkel untuk diserapkan ke dalam kumpulan kedua IPPP.

Kumpulan kedua tersebut akan dianggotai oleh pakar-pakar linguistik Suang Lotud, guru-guru Suang Lotud yang mengajar bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris serta perunding linguistik daripada Summer Institute of Linguistic (SIL) Malaysia dan Yayasan Bahasa Kadazandusun (KLF), selain peserta yang terpilih daripada bengkel pertama.

Kumpulan kedua itu juga akan berfungsi sebagai penentu kata putus untuk segala hasil perbincangan dan pengumpulan data dalam bengkel pertama.

Atas dasar sukarela

Penghasilan kamus adalah suatu tugas yang amat berat, sementelah sehingga hari ini, belum ada kajian menyeluruh mengenai struktur bahasa Suang Lotud yang mengakibatkan bahasa itu tidak ilmiah dan sukar untuk berkembang.

Pun begitu, dengan usahasama antara pelbagai pihak, khususnya pemimpin dan generasi muda Suang Lotud, magnitud kerja itu dapat dipikul.

"Pelibatan peserta projek penyusunan kamus adalah secara sukarela... tiada paksaan, baik dari segi masa mahupun tenaga.

"Segalanya dilakukan atas kesedaran terhadap kesinambungan bahasa Suang Lotud demi kepentingan bersama," beritahu Monggoh.

Mengenai kos, Sekretariat Pelestarian mengakui bahawa ianya melibatkan perbelanjaan yang besar.

Difahamkan, dana akan dicari bersama untuk membiayai perbelanjaan bagi projek tersebut.

Mencapai objektif Bengkel

Monggoh mendedahkan bahawa peserta Bengkel IPPP memberi kerjasama yang baik dan "bersungguh-sungguh dalam mencapai objektif utama Bengkel.

"Fasilitator juga telah menyerahkan laporan mengenai kualiti peserta untuk memilih peserta terbaik untuk dimasukkan ke dalam IPPP."

Pada penghujung Bengkel Pertama IPPP juga, satu deklarasi ditandatangani oleh kesemua peserta dan Presiden PSLs serta anggota Pelestarian.

Antara isi kandungan deklarasi tersebut adalah, persetujuan penubuhan Pelestarian yang mewakili kehendak kolektif komuniti Suang Lotud yang berusahasama secara sukarela dalam menjamin kewibawaan bangsa dan bahasa Suang Lotud.

Langkah penting seterusnya adalah pemilihan anggota IPPP dan penyediaan draf pertama untuk kamus.

Difahamkan, usaha Pelestarian dalam memelihara bahasa Suang Lotud tidak terhenti dengan penghasilan kamus Suang Lotud kerana mereka telah menggariskan beberapa aktiviti lain.

Rancangan aktiviti tersebut termasuklah penganjuran pertandingan dalam penulisan karya kreatif, menyertai bengkel anjuran badan-badan linguistik, mengadakan program kesedaran mengenai kepentingan bahasa Suang Lotud, dan sebagainya.



GOLONGAN
muda
komuniti Suang
Lotud menjadi
antara tumpuan
utama bagi
Pelestarian, kerana
pada hari ini,
kebanyakan
generasi muda
Suang Lotud
kurang fasih dan
atau langsung tidak
menuturkan bahasa
ibunda mereka.